



AGRO

Oleh Zaitie Satibi
zaisa@hmetro.com.my

Hutan bakau atau hutan paya laut adalah antara ekosistem yang penting buat sumber perikanan.

Pokok bakau yang hidup di kawasan berpaya tepi pantai melindungi ekosistem hidupan akuatik kerana menjadi habitat bagi udang, ikan dan ketam termasuk haiwan lain seperti kera serta burung.

Perikanan adalah aktiviti terawal dan penting yang menyediakan sumber makanan, pekerjaan, rekreasi dan perindustrian, selain menyumbang kepada perkembangan budaya dan ekonomi.

Sehingga zaman perindustrian moden dan global masa kini, aktiviti perikanan masih menjadi kunci utama kepada sekuriti makanan dan asas pekerjaan kepada jutaan orang di dunia serta menjadi faktor terpenting perkembangan ekonomi global.

Malah, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) menganggarkan kira-kira 660 hingga 820 juta penduduk dunia secara langsung atau bergantung pada perikanan.

Daripada jumlah itu, 87 peratus daripada mereka menetap di Asia yang terbabit dalam aktiviti perikanan laut dan aquakultur.

Perikanan juga sistem yang berinteraksi dengan tiga komponen yang berhubung kait dengan organisme laut, habitat laut

dan penggunaan manusia terhadap sumber-sumber asli laut.

Setiap komponen ini mempengaruhi prestasi perikanan. Dengan ini, perikanan mempunyai dimensi biologi, teknologi, ekonomi, sosial, kebudayaan, politik, pengurusan dan undang-undang atau polisi.

Namun, hutan paya laut di Semenanjung Malaysia terancam dan mengalami kemusnahan akibat pembangunan yang tidak menitikberatkan penjagaan ekosistem semula jadinya.

Masalah itu antara punca utama yang dikenal pasti kepada kepupusan sumber perikanan.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan (DOF) dengan kerjasama Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM) menganjurkan Ekspedisi Saintifik Johor Selatan bertujuan mengurus dan memulihara khazanah marin negara demi kelestarian sumber perikanan.

Ekspedisi perintis ini sekitar Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, Johor menyediakan pelan mitigasi bagi mengekalkan sumber marin dalam jangka panjang terutama dalam mengatasi isu dan masalah sekitaran serta perubahan iklim dunia pada masa kini.

Kawasan Johor Selatan ini dipilih kerana ia titik panas kepelbagaiannya biologi marin yang kaya dengan ekosistem

KEKALKAN EKOSISTEM PAYA BAKAU

Ekspedisi Saintifik Johor Selatan pulihara khazanah marin negara





1.HUTAN paya laut Taman Negara Tanjung Piai perintis Ekspedisi Saintifik Johor Selatan awal tahun depan.

2.AKTIVITI tanam pokok bakau pulih ekosistem hutan paya laut dan pupuk kesedaran kemusnahan alam sekitar.

3.DR BAH PIYAN (kanan) meninjau hutan paya laut Taman Negara Tanjung Piai.

4.HUTAN paya laut ekosistem yang penting kepada sumber perikanan.

5.TAMAN Negara Tanjung Piai dikenali titik paling akhir benua Asia.

6.TANGKAPAN ikan sumber pendapatan nelayan.

7.PENDUDUK mencari lokan di hutan paya bakau sebagai sumber pendapatan.

bakau dan rumput laut.

Dijangkakan program ini dapat mengenal pasti penubuhan kawasan refugia dan kawasan taman laut baru, di samping maklumat taburan inventori spesies terancam yang penting kepada pemuliharaan ekosistem perikanan.

Ekspedisi saintifik yang dijangka bermula Januari depan juga melihat kesesuaian untuk penubuhan kawasan refugia atau tempat perlindungan, berikut sumber perikanan termasuk marin yang lain sedang menghadapi kepupusan dan ancaman yang serius.

Pengurusan perikanan konvensional tidak dapat menangani semua ancaman dan itu.

Bagi menanganinya, ia

memerlukan pendekatan yang lebih luas dan membabitkan semua pihak untuk bertindak termasuk integriti sekuriti makanan dengan penguatkuasaan, pendidikan dan penyelidikan bagi mendapatkan maklumat terperinci biojisim dalam kawasan ekspedisi.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) DOF, Datuk Dr Bah Piyah Tan berkata, penganjuran ekspedisi berkenaan diharap dapat mengukuhkan daya ketahanan ekosistem melalui penghasilan jaringan kawasan perlindungan marin (MPA) bagi menjamin pengekalan sumber marin di Malaysia dalam suasana perubahan iklim dunia pada masa kini.

“Secara umum, segala kegiatan manusia yang berkaitan dengan sumber perikanan sama ada melalui tangkapan laut atau aquakultur dikenali sebagai perikanan.

“Hutan paya laut diambil kira sebagai satu daripada ekosistem yang penting kepada sumber perikanan.

“Berikutnya fungsinya yang penting, sewajarnya khazanah alam yang amat berharga ini terus dipelihara dan diuruskan dengan cekap demi kesejahteraan masyarakat sejagat secara berterusan.

“Selain itu, ekosistem hutan paya laut juga berperanan dalam menstabilkan kawasan pantai kerana pokok bakau juga bertindak sebagai penampang semula jadi bagi

mencegah hakisan kawasan pesisiran pantai akibat ombak, angin dan arus.

“Bagi membolehkan hutan paya laut meneruskan kelangsungan peranannya, amat penting untuk ia dikekalkan dan dipelihara yang memerlukan tanggungjawab kita bersama,” katanya pada majlis pelancaran awal ekspedisi itu dan program pemeliharaan potensi refugia perikanan di Taman Negara Tanjung Piai, baru-baru ini.

Antara aktiviti memuliharkan ekosistem tanaman pokok bakau daripada terus mengalami kemusnahan yang boleh dilakukan seperti program penanaman pokok bakau.

Ia mampu memberikan manfaat kepada penjagaan

alam sekitar dan juga kepada sumber perikanan.

Malah, aktiviti sedemikian dapat memupuk kesedaran masyarakat bagi memastikan khazanah semula jadi dan alam sekitar dapat dipelihara dan dipertahankan.

“Penganjuran program ini mempamerkan keprihatinan pihak berkepentingan yang tinggi terhadap usaha pengurusan hutan bakau secara berkekalan.

“Ini bertepatan sekali kerana kepentingan hutan bakau sebagai ekosistem yang menjamin kelangsungan hidup dan kesejahteraan masyarakat tetap mendapat tempat sebagai satu daripada agenda kehidupan kita pada hari ini,” katanya.

